KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **9 JULAI 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR
## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: SELASA
TARIKH: 9/7/2024
M/SURAT: 13

## Program MADANI Rakyat 2024 Zon Timur



*Pengunjung membeli bakul jualan Kombo MADANI pada Program MADANI Rakyat Zon Timur di Kuantan, semalam.* (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

# Jualan 3 barang asas laris

**Kuantan:** Tiga barang asas Jualan Rahmah, iaitu telur, susu dan santan antara yang paling laris sepanjang dua hari berlangsung Program MADANI Rakyat 2024 Zon Timur apabila jualannya habis dalam masa empat jam sebaik dibuka pada 9 pagi.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pahang, Jezlily Jamaluddin, berkata untuk telur sahaja sebanyak 2,600 papan telur terjual, santan (6,400 kotak), manakala susu sebanyak 5,600 tin terjual pada siri Program MADANI Rakyat di sini.

"Tiga barang Jualan Rahmah itu memang jualan hebat. Kuantiti bagi tiga barang asas yang ditawarkan pada hari ini ialah telur sebanyak 1,300 papan, susu (2,800 tin) dan santan (3,200 kotak).

"Selain itu, barang basah jualan hebat ialah ayam, iaitu sebanyak 2,000 ekor terjual dalam tempoh empat jam sepanjang dua hari Program MADANI Rakyat," katanya sambil menambah hampir 6,000 pengunjung ke Jualan Rahmah MADANI KPDN dalam tempoh dua hari Program MADANI Rakyat.

Selain itu, tinjauan mendapati pelbagai barang asas lain turut laris dijual seperti beras 5kg dan minyak masak (masing-masing berharga RM14, RM15 dan RM10).

Kebanyakan pengunjung tidak mahu melepaskan peluang mendapatkan keperluan di Program MADANI Rakyat dengan diskaun ditawarkan sebanyak 30 peratus yang memudahkan mereka mendapatkan barang di bawah satu bumbung, selain dapat berjimat.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
HARI: SELASA
TARIKH: 9/7/2024
M/SURAT: 29



BUNGKUSAN minyak masak paket 1kg yang disita KPDN akibat disorok sebuah kedai runcit di Taman Makmur, Kulim, Kedah semalam.

# Kedai runcit sorok minyak paket, enggan jual kepada pembeli

**KULIM:** Sebuah kedai runcit yang menyorokkan minyak masak paket dan enggan menjual bekalan itu dikenakan tindakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam kejadian di Taman Makmur, di sini semalam.

Pengarah KPDN Kedah, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, perbuatan peruncit itu terbongkar selepas sepasukan penguat kuasa KPDN melakukan risikan dalam Op Samar kira-kira pukul 12 tengah hari.

Katanya, tindakan awal dilakukan oleh pasukan serbuan adalah dengan membuat uji beli, namun ketika itu didapati tiada minyak masak paket 1 kilogram (kg) dipamerkan di rak jualan kedai terbabit.

"Setelah bertanya kepada seorang pekerja lelaki warga tempatan di premis berkenaan berhubung bekalan minyak masak paket 1kg, anggota dimaklumkan bahawa mereka telah kehabisan stok bekalan itu.

"Pasukan serbuan kemudiannya telah menjalankan pemeriksaan dan menemui 222kg minyak masak paket 1kg bersubsidi yang dianggarkan bernilai RM555," katanya di sini, semalam.

Muhammad Nizam berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 16A (1) (a) Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] dan jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM1 juta, manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3 juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Bagi syarikat sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2 juta dan tidak melebihi RM5 juta bagi kesalahan berikutnya.

"Selain itu, kes ini juga boleh disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) [Akta 613]," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: SELASA
TARIKH: 9/7/2024
M/SURAT: 20




ORANG ramai membeli barangan keperluan di khemah Jualan Rahmah yang dibuka sempena Program Madani Rakyat 2024 Zon Timur di Dataran Sayangi Kuantan, Pahang.






PROGRAM MADANI RAKYAT 2024 ZON TIMUR

# Telur, susu dan santan paling laris!

**Kuantan**

Tiga barangan asas Jualan Rahmah iaitu telur, susu dan santan adalah antara barangan paling laris sepanjang dua hari berlangsungnya Program Madani Rakyat (PMR) 2024 Zon Timur apabila jualannya habis dalam masa empat jam sebaik dibuka pada 9 pagi.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pahang Jezlily Jamaluddin berkata untuk telur sahaja sebanyak 2,600 papan telur terjual, santan (6,400 kotak) manakala susu sebanyak 5,600 tin terjual pada siri PMR di Dataran Sayangi Kuantan ini.

"Tiga barangan Jualan Rahmah itu memang jualan hebat dan kita jangkakan pada hari akhir PMR hari ini, sambutannya dijangka meningkat lagi. Kuantiti bagi tiga barangan asas yang ditawarkan pada hari ini adalah telur sebanyak 1,300 papan, susu (2,800 tin) dan santan (3,200 kotak).

"Selain itu, barangan basah jualan hebat adalah ayam iaitu sebanyak 2,000 ekor terjual dalam tempoh empat jam sepanjang dua hari PMR," katanya kepada Bernama, menambah hampir 6,000 pengunjung ke Jualan Rahmah Madani KPDN dalam tempoh dua hari PMR.

> **"Barangan basah jualan hebat adalah ayam iaitu sebanyak 2,000 ekor terjual dalam tempoh empat jam"**
>
> *Pengarah KPDN dan Kos Sara Hidup Pahang, Jezlily Jamaluddin*

Selain itu, tinjauan Bernama di khemah Jualan Rahmah Madani turut mendapati pelbagai produk barangan asas lain turut laris dijual seperti pek Milo 1kilogram (kg), beras cap Faiza Emas 5kg dan minyak masak cap Buruh 2kg (masing-masing berharga RM14, RM15 dan RM10).

Kebanyakan pengunjung tidak mahu melepaskan peluang untuk mendapatkan barangan keperluan di PMR dengan diskaun ditawarkan sebanyak 30 peratus yang memudahkan mereka mendapatkan barangan di bawah satu bumbung selain dapat berjimat.

Berkongsi kegembiraan itu seorang suri rumah Amira Afiff, 50, menyatakan keterujaannya sebaik melihat harga seekor ayam segar yang dijual di khemah Jualan Rahmah Agro Madani hanya RM11 sedangkan di pasaran ada mencecah lebih RM15.

"Saya memasak untuk keluarga dan biasanya ayam memang akan saya beli dan perap mengikut sajian tertentu disimpan selama seminggu. Dengan harga ini, (RM11) saya tidak perlu risau untuk dua hingga tiga minggu akan datang," katanya yang membeli tiga ekor ayam segar.

Kerani pentadbiran D Subhashini, 34, mengambil peluang mendapatkan bekalan tepung gandum Cap Sauh (1kg), kicap Jalen (325mililiter) dan serbu pencuci pakaian Daia (2.1kg) yang dijual masing-masing pada harga RM2.10, RM3.50 dan RM12.90.

"Saya tinggal bersama suami dan tiga anak kami serta ibu saya. Anda boleh bayangkan betapa cepatnya barang-barang yang saya beliu di sini habis. Bukan itu sahaja, diskaun yang ditawarkan di sini pastinya lebih mesra poket dan akaun bank," katanya.



ORANG ramai mengambil peluang membeli sayur-sayuran yang dijual lebih murah daripada harga pasaran di khemah Jualan Agro Madani.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: SELASA
TARIKH: 9/7/2024
M/SURAT: 6

# 藏津貼食油謊稱售完

## 商家被取締檢獲52公斤

（打巴7日讯）商家拒绝出售津贴包装食用油，还谎称食用油已卖光，结果遭执法人员检查发现柜台私藏52公斤食用油。

### 卡马鲁丁：通过“便衣行动”测试

霹雳州国内贸易及生活成本局（内贸局）局长拿督卡马鲁丁昨日发文告指出，打巴分局人员在本月5日，约中午12时对丹绒马林一间拒绝出售津贴包装食用油的场所采取执法行动。

他披露，该行动是根据投诉人提供的信息而采取，投诉人声称商家隐藏食用油并在询问时拒绝出售，为确保投诉有理有据，该局官员及执法人员通过“便衣行动（OPS SAMAR）”以测试购买食用油。

“试购时，销售人员告知食用油已售完，之后身穿制服的官员及执法人员进入该场所进行彻底检查，结果发现柜台内存放着大量包装食用油。”

他说，执法人员根据1961年统制品法令第8条文，向业主发出库存申报指示，执法人员共检获52公斤、价值130令吉的津贴包装食用油。

他表示，该案将根据1961年统制品法令进行调查，一旦罪成，个人将面对罚款不超过100万令吉或监禁不超过3年或两者兼施，若是公司将面对罚款不超过200万令吉。

卡马鲁丁强调，该局不会对任何涉及滥用统制品的活动及集团妥协，会确保采取严厉行动，包括将涉案者提控上庭。

他促请消费人成为执法单位的耳目，提供滥用统制品和津贴用品活动的资讯。民众可以向附近的国内贸易及生活费局投报，或通过以下方式投报，包括WhatsApp (019-279 4317或 019-848 8000)、网站(e-aduan@kpdn.gov.my)、热线(1-800-886-800)或手机应用程式Ez Adu KPDN。



↑执法人员在柜台检获52公斤津贴包装食用油。（霹内贸局提供）



←执法人员检查商家执照文件，这次行动是根据投诉人提供的信息而采取。（霹内贸局提供）

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

詩華日報
SEE HUA DAILY NEWS

HARI: SELASA
TARIKH: 9/7/2024
M/SURAT: 4

# 商家不肯賣統制品 遇喬裝官員遭對付

（打巴7日讯）一间商店因私藏食用油且不愿出售给消费者，遭乔装顾客的执法人员逮个正著，共有53公斤价值130令吉包裝食用油被充公，并会在1961年统制管制法令下受查。

霹雳国内贸易及生活成本局（KPDN）局长拿督卡玛鲁丁昨晚发文告指出，来自打巴分局的执法人员日前接获一宗投报，有关商家私藏食用油，在顾客要求购买相关货品时，商家不愿出售。

「依据该项投诉，打巴分局的执法人员透过『乔装行动』（Ops Samar）进行购买测试，当在该商店要求购买食用油时，售货员表示食用油已售罄。」

他说，在获得售货员的说法后，一支制服执法人员进入商店，展开全面检查后，发现有一批包裝食用油藏匿在柜台处。

「执法队伍充公起获的52公斤，价值130令吉的包裝食用油。该局援引1961年统制管制法令第8条文，向商店主管发出通告，指示申报统制品存货。」

他说，案件在上述法令下展开调查，一旦罪成，个人可被判不超过100万令吉或监禁不超过3年，或两者兼施，而商业单位则可被判不超过200万令吉。

他强调，该局不会对任何滥用统制品包括包装食用油的商家或犯罪集团有妥协，该局必会采取严厉行动包括提控上庭对付违法人士。



霹内贸局执法人员展开全面检查，发现商家在柜台处藏匿一批包装食用油。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光華日報

HARI: SELASA
TARIKH: 9/7/2024
M/SURAT: 12



内贸局执法人员现场向业主发出库存申报指示。

## 商家谎称卖完遭取缔

# 起获52公斤津贴食用油

（怡保 7 日讯）丹绒马林一家商店谎称津贴包装食用油已卖完而拒绝售卖，最终在霹雳州国内贸易及生活成本局执法人员展开“乔装行动”（OPS SAMAR）后被取缔。

该局局长拿督卡马鲁丁发文告透露，该商店拒绝出售津贴包装食用油，还谎称食用油已卖光，结果遭执法人员检查发现柜台私藏 52 公斤食用油。



商家谎称津贴包装食用油已卖完而拒绝售卖，却被内贸局执法人员在柜台内起获 52 公斤津贴包装食用油。

他表示，打巴分局人员在本月 5 日中午 12 时左右，对丹绒马林一间拒绝出售津贴包装食用油的商店展开乔装行动。

他说，投诉人声称商家藏起食用油并在询问时拒绝出售，因此执法人员展开行动时，尝试购买食用油，却被销售人员告知食用油已售完，随后，身穿制服的执法人员进入检查，起获共 52 公斤重总值 130 令吉的津贴包装食用油。

他指出，执法人员根据 1961 年统制品法令第 8 条文，向业主发出库存申报指示。同时，该局援引 1961 年统制品法令展开调查；一旦罪成，个人将面对罚款不超过 100 万令吉或监禁不超过 3 年或两者兼施，若是公司将面对罚款不超过 200 万令吉。

卡马鲁丁强调，该局不会对任何涉及滥用统制品的活动及集团妥协，也会采取严厉的行动，包括将涉案者提控上庭。

他促请消费人成为执法单位的耳目，提供滥用统制品和津贴用品活动的资讯。

他续说，一旦民众有任何投诉或疑问，可通过网站 e-aduan KPDN (https://eaduan.kpdn.gov.my)、热线（1-800-886-800）、Ez ADU KPDN 应用程式，或 WhatsApp (019-2794317)，向该局作出举报。#

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光明日報
Guang Ming DAILY
HARI: SELASA
TARIKH: 9/7/2024
M/SURAT: 5



■执法人员检查商家执照文件，这次行动是根据投诉人提供的信息而采取。（霹内贸局提供）

■执法人员在柜台检获52公斤津贴包装食用油。（霹内贸局提供）




# 拒賣津貼油 商家稱賣光

## 執法員放蛇查獲52kg食油

（打巴7日讯）商家拒绝出售津贴包装食用油，还谎称食用油已经卖光，结果遭执法人员检查发现柜台私藏52公斤食用油。

霹雳州国内贸易及生活成本局（内贸局）局长拿督卡马鲁丁昨日发文告指出，打巴分局人员根据投诉人提供的信息，于本月5日中午约12时向丹绒马林一间拒绝出售津贴包装食用油的场所展开执法行动。

### 接民众举报突击商店

"投诉人指称商家隐藏食用油并在询问时拒绝出售，为确保投诉有理有据，官员及执法人员通过'便衣行动（OPS SAMAR）'以测试购买食用油。

"试购时，销售人员告知食用油已售完，之后身穿制服的官员及执法人员进入该场所进行彻底检查，结果发现柜台内存放着大量袋装食用油。"

他指出，执法人员根据1961年统制品法令第8条文，向业主发出库存申报指示，执法人员共检获52公斤、价值130令吉的津贴包装食用油。

目前，当局援引1961年统制品法令展开调查，一旦罪成，个人将面对罚款不超过100万令吉或监禁不超过3年或两者兼施，若是公司将面对罚款不超过200万令吉。

卡马鲁丁强调，该局不会对任何涉及滥用统制品的活动及集团妥协，而是会确保采取严厉行动，包括将涉案者提控上庭。

他也促请消费人成为执法单位的耳目，提供滥用统制品和津贴用品活动的资讯。

民众可以向附近的国内贸易及生活费局投报，或通过以下方式投报：WhatsApp（019-279 4317或019-848 8000）、网站（e-aduan@kpdn.gov.my）、热线（1-800-886-800）或手机应用程式Ez Adu KPDN。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

மலேசிய நண்பன்
மக்கள் ஏடு HARIAN TAMIL MALAYSIA NANBAN

HARI: SELASA
TARIKH: 9/7/2024
M/SURAT: 2

# சமையல் எண்ணெய் விற்றுத் தீர்ந்தது வியாபாரி கூறியதை அடுத்து பறிமுதல்

ஈப்போ, ஜூலை 8-

விற்பனையாளர் சமையல் எண்ணெய் மறைத்து விற்பனை செய்ய மறுப்பதாக எழுந்த புகாரின் பேரில் நேற்று தஞ்சோங் மாலிம்மில் உள்ள ஒரு கடையில் இருந்து 52 கிலோ மானிய விலையிலான சமையல் எண்ணெய் உள்நாட்டு வர்த்தக அதிகாரிகள் பறிமுதல் செய்தனர்.



புகாரைச் சரி பார்க்க அதிகாரிகள் நுகர்வோர் போல் காட்டிக் கொண்டனர் என்று உள்நாட்டு வர்த்தகம் மற்றும் வாழ்க்கைச் செலவு அமைச்சகத்தின் மாநில இயக்குநர் கமாலுடின் இஸ்மாயில் கூறினார். அவர்கள் எண்ணெய் வாங்க முயன்ற போது சமையல் எண்ணெய் விற்று தீர்ந்துவிட்டதாக விற்பனையாளர் கூறினார்.

பின்னர் அதிகாரிகள் மற்றும் அமலாக்கப் பணியாளர்கள் குழு அந்த வளாகத்தில் சோதனை நடத்தியதில் சமையல் எண்ணெய் பாக்கெட்டுகள் பதுக்கி வைக்கப்பட்டிருந்ததைக் கண்டுபிடித்தனர்.

விநியோகக் கட்டுப்பாட்டுச் சட்டத்தின் கீழ் கையிருப்பு அறிவிப்பு உத்தரவு பிறப்பிக்கப்பட்டதாகவும் 52 கிலோ சமையல் எண்ணெய் பறிமுதல் செய்யப்பட்டதாகவும் அவர் கூறினார்.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

மலேசிய நண்பன்
மக்கள் ஏடு HARIAN TAMIL MALAYSIA NANBAN

HARI: SELASA
TARIKH: 9/7/2024
M/SURAT: 5

# குவாந்தான் ரஹ்மா விற்பனையில் முட்டை மற்றும் பால் விற்பனை



குவாந்தான் ஜூலை 8-

கடந்த இரண்டு நாட்களாக குவாந்தானில் உள்ள ரஹ்மா விற்பனைச் சந்தையில் முட்டை, டின் பால் மற்றும் தேங்காய்ப் பால் ஆகியவை மிகவும் விரும்பப்பட்ட பொருட்களாக இருந்தன. காலை 9 மணிக்குத் திறந்து மாலை 4 மணிக்குள் விற்றுத் தீர்ந்தன.கிழக்கு மண்டல மடானி மக்கள் திட்டம் என்றப் பெயரில் இந்நிகழ்ச்சி நடத்தப்பட்டது.

குவாந்தானில் நடைபெற்ற நிகழ்ச்சியில் மொத்தம் 2,600 தட்டுகளில் முட்டைகள், 6,400 தேங்காய்ப் பால் மற்றும் 5,600 டின் பால் விற்பனை செய்யப்பட்டன என்று பகாங் உள்நாட்டு வர்த்தக அமைச்சின் இயக்குநர் ஜெஸ்லிலி ஜமாலுடின் தெரிவித்தார்.

புதிய தயாரிப்புகளுக்கு சூடாக விற்பனையாகும் கோழி நான்கு மணி நேரத்தில் ஏறக்குறைய 2,000 விற்பனை செய்யப்பட்டதாக அவர் கூறினார். இந்த விற்பனைத் திட்டம் கிட்டத்தட்ட 6,000 பார்வையாளர்களைக் கண்டுள்ளது.

பெரும்பாலான பார்வையாளர்கள் நிகழ்ச்சியில் வழங்கப் படும் 30% தள்ளுபடியைப் பயன்படுத்திக் கொள்ள ஆர்வமாக இருந்தனர். 50 வயதான வீட்டுத் தயாரிப்பாளர் அமீரா அபிப் சந்தை விலை வெள்ளி 15 ஐத் தாண்டியதை விட, வெள்ளி11-க்கு மட்டுமே விற்கப்படுவதைக் கண்டு மகிழ்ச்சி அடைந்தார். நான் எனது குடும்பத்திற்காக சமைக்கிறேன் மற்றும் வழக்கமாக குறிப்பிட்ட உணவுகளுக்கு மாரினேட் செய்ய கோழியை வாங்கி வெள்ளி 11-க்கு மட்டும் விற்கிறேன் என்றார். இரண்டு அல்லது மூன்று வாரங்களுக்கு நான் கவலைப்பட வேண்டியதில்லை என்று மூன்று கோழிகளை வாங்கிய அமீரா கூறினார்.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: SELASA
TARIKH: 9/7/2024
M/SURAT: 17

# Mendengar denyut nadi rakyat



UNTUNG RUGI

ANUAR SHAH BALI MAHOMED

Sebulan lalu, kerajaan telah melaksanakan penyasaran harga subsidi diesel melibatkan penetapan harga runcit bahan api diesel mengikut harga pasaran.

Baru-baru ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup mendedahkan kes penyelewengan minyak diesel telah menunjukkan penurunan sebanyak 87 peratus selepas penyasaran subsidi diesel bagi tempoh 20 hari sebelum dan selepas pelaksanaannya.

Menurut kerajaan, penyasaran subsidi diesel itu dijangka menjana penjimatan sebanyak RM4 bilion. Namun, pada masa sama kesannya juga menyebabkan berlaku kenaikan harga barangan di pasaran.

Perkara itu disebabkan antara lain berlakunya peningkatan kos pengangkutan, logistik dan operasi bagi pelbagai sektor yang akhirnya memberi kesan terhadap peningkatan harga barangan serta perkhidmatan kepada pengguna.

Sektor pertanian turut terkesan kerana sebahagiannya bergantung kepada penggunaan diesel bagi peralatan dan mesin pertanian. Ia memberikan kesan terhadap kos pengeluaran barangan berasaskan pertanian, yang akhirnya berpotensi untuk peningkatan harga barangan pertanian.

Perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) juga terkesan. Sebahagiannya sukar menyerap kenaikan kos diesel yang menyebabkan berlaku kenaikan harga barangan. Kesan penyasaran harga subsidi diesel sebenarnya tidak hanya terhad kepada industri langsung seperti pengangkutan dan perkilangan, bahkan ia turut menjejaskan rantaian sektor lain termasuk perkhidmatan serta peruncitan.

Inflasi juga berpotensi meningkat – akhirnya menyebabkan kuasa beli rakyat berkurangan dan memberi tekanan kepada golongan berpendapatan rendah serta sederhana yang sudah pun terkesan dengan tekanan kos sara hidup tinggi.

Perkara itu boleh juga menyebabkan berlaku pengurangan dalam perbelanjaan pengguna dan seterusnya memberi kesan ke atas sebahagian peniaga yang akan memperoleh pendapatan berkurangan.

Tentu sekali keadaan akan menjadi semakin mencabar bagi isi rumah pendapatan rendah dan sederhana untuk menampung keluarga. Sebelum ini kajian diterbitkan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) dan Tabung Penduduk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA) terhadap isi rumah berpendapatan rendah di Kuala Lumpur mendapati kesan kenaikan harga barangan menyebabkan keadaan menjadi lebih mencabar berbanding semasa pandemik Covid-19.

Lapan daripada 10 isi rumah berdepan situasi mencabar untuk memperoleh pendapatan mencukupi bagi menampung keperluan asas hidup dan ia lebih tinggi berbanding tujuh daripada 10 sebagaimana dilaporkan semasa pandemik.

Bagaimana pula keadaan selepas penyasaran harga subsidi diesel dilaksanakan? Adakah keadaan jadi lebih baik atau sebaliknya terutama kepada mereka berpendapatan rendah dan sederhana? Adakah Program Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani), Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) dan bantuan tunai lain dapat menampung kenaikan harga barangan yang berlaku?

Terdapat keperluan mengkaji secara mendalam kaedah pelaksanaan penyasaran harga subsidi diesel yang menjana penjimatan RM4 bilion berbanding kesannya terhadap rakyat secara keseluruhan. Perkara itu amat penting sebelum sebarang cadangan pelaksanaan penyasaran subsidi petrol RON95.

Mengambil kira situasi semasa dan kesukaran dihadapi rakyat ketika ini, maka penyasaran subsidi petrol RON95 wajar ditangguhkan sehingga kajian lengkap kesan pelaksanaan penyasaran harga subsidi diesel terhadap pelbagai pihak termasuk pihak industri, PMKS dan pengguna dilaksanakan.

Rakyat sebenarnya amat terkesan dengan kenaikan harga barangan dan kesannya lebih ketara kepada mereka berpendapatan rendah dan sederhana. Selain itu, terdapat keperluan meningkatkan pelaburan dan menggalak penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui.

Perkara itu bukan sahaja dapat membantu mengurangkan kebergantungan terhadap bahan api, bahkan memberikan impak positif kepada negara. Melalui penggunaan kenderaan elektrik dan tenaga boleh diperbaharui, ia akan dapat membangunkan masa depan lebih lestari untuk generasi akan datang.

** Dr Anuar Shah Bali Mahomed ialah Profesor Madya di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia.*

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE
## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 9 JULAI 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 9-Jul | Sasar peniaga luar bandar celik digital, beroperasi tanpa tunai | https://www.buletintv3.my/nasional/sasar-peniaga-luar-bandar-celik-digital-beroperasi-tanpa-tunai/ | BULETIN TV3 |
| 9-Jul | Kilang biskut guna sijil halal tamat tempoh diserbu KPDN | https://www.sinarharian.com.my/article/673476/berita/semasa/kilang-biskut-guna-sijil-halal-tamat-tempoh-diserbu-kpdn | SINAR HARIAN |
| 9-Jul | Taiping biscuit maker raided for using halal logo after its cert expired | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/07/05/taiping-biscuit-maker-raided-for-using-halal-logo-after-its-cert-expired | THE STAR |
| 9-Jul | KILANG BISKUT GUNA LOGO TAMAT TEMPOH DISERBU | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2314534 | BERNAMA |
| 9-Jul | Kilang biskut guna logo halal tamat tempoh diserbu | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/07/1107953/kilang-biskut-guna-logo-halal-tamat-tempoh-diserbu | HARIAN METRO |
| 9-Jul | Kilang biskut guna logo halal tamat tempoh diserbu | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/07/1267407/kilang-biskut-guna-logo-halal-tamat-tempoh-diserbu | BERITA HARIAN |
| 9-Jul | Kilang biskut guna logo halal tamat tempoh diserbu | https://www.utusanborneo.com.my/2024/07/05/kilang-biskut-guna-logo-halal-tamat-tempoh-diserbu | UTUSAN BORNEO |
| 9-Jul | Guna logo halal tidak sah, KPDN serbu kilang biskut di Taiping | https://www.buletintv3.my/nasional/guna-logo-halal-tidak-sah-kpdn-serbu-kilang-biskut-di-taiping/ | BULETIN TV3 |
| 9-Jul | KPDN Perak rampas 940 bungkus biskut guna logo halal tidak sah | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-perak-rampas-940-bungkus-biskut-guna-logo-halal-tidak-sah | BERITA RTM |
| 9-Jul | KPDN Kulim sita 222 kg minyak masak peket | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kulim-sita-222-kg-minyak-masak-peket-478139 | ASTRO AWANI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9-Jul | KPDN Kulim sita 222kg minyak masak peket disorok dalam stor | https://www.sinarharian.com.my/article/673928/berita/semasa/kpdn-kulim-sita-222kg-minyak-masak-peket-disorok-dalam-stor | SINAR HARIAN |
| 9-Jul | KPDN Kulim sita 222 kg minyak masak peket | https://www.tvsarawak.my/2024/07/08/kpdn-kulim-sita-222-kg-minyak-masak-peket/ | TV SARAWAK |
| 9-Jul | KPDN KULIM SITA 222 KG MINYAK MASAK PEKET | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2315373 | BERNAMA |
| 9-Jul | KPDN Kulim sita 222kg minyak masak paket | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/07/1268623/kpdn-kulim-sita-222kg-minyak-masak-paket | BERITA HARIAN |
| 9-Jul | Kes sorok minyak masak paket 1kg, pemilik kedai runcit didenda - KPDN Kedah | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kes-sorok-minyak-masak-paket-1kg-pemilik-kedai-runcit-didenda-kpdn-kedah | BERITA RTM |
| 9-Jul | KPDN patah cubaan seleweng lebih 6,000 liter diesel, petrol | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-patah-cubaan-seleweng-lebih-6-000-liter-diesel-petrol-478160 | ASTRO AWANI |
| 9-Jul | KPDN Kedah foils attempt to misappropriate 6,130 litres of diesel and petrol | https://thesun.my/local-news/kpdn-kedah-foils-attempt-to-misappropriate-6130-litres-of-diesel-and-petrol-IM12693902 | THE SUN |
| 9-Jul | KPDN PATAH CUBAAN SELEWENG LEBIH 6,000 LITER DIESEL, PETROL | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2315465 | BERNAMA |
| 9-Jul | KPDN patah cubaan seleweng lebih 6,000 liter diesel, petrol | https://www.buletintv3.my/jenayah/kpdn-patah-cubaan-seleweng-lebih-6000-liter-diesel-petrol/ | BULETIN TV3 |
| 9-Jul | Ada lesen pemborong tapi seleweng petrol, diesel | https://www.kosmo.com.my/2024/07/08/ada-lesen-pemborong-tapi-seleweng-petrol-diesel/ | KOSMO |
| 9-Jul | Lapor KPDN jika peniaga durian tidak jujur | https://www.kosmo.com.my/2024/07/08/lapor-kpdn-jika-peniaga-durian-tidak-jujur/ | KOSMO |